

22/06/1998

Dr Mahathir berasa lega

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau lega dengan kenyataan yang dibuat oleh timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk tetap setia kepadanya sebagai Presiden Umno.

Perdana Menteri berharap, pengakuan itu dapat menghilangkan cakap-cakap mengenai kononnya ada perbezaan pendapat dan perselisihan faham antara kedua-dua mereka sehingga kadang-kadang `membengangkan telinganya'.

"Saya berasa amat gembira kerana selepas ucapan Timbalan Presiden, seperti juga dengan tuan-tuan dan puan-puan, saya berasa lega kerana pengakuan mengenai kesetiaannya kepada saya bukan sebagai Mahathir, tetapi sebagai Presiden parti," katanya ketika memulakan ucapan penggulungan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno, di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, sudah banyak diperkatakan mengenai hubungan mereka berdua.

"Kadang-kadang kita terasuk juga kerana bila orang mai (datang) cerita macam-macam. Telinga manusia ini dia dengar, dia dengar sekali lagi, dua kali, tiga kali, 10 kali, kadang-kadang berasa macam nak percaya juga.

"Tapi bila berjumpa tak macam itu, berpisah bunyi lain balik. Cukup susah. Inilah nasib ahli politik," katanya.

Terdahulu, ketika menggulung perbahasan, Anwar mengulangi kesetiaannya kepada Dr Mahathir dan meminta perwakilan bersatu di belakang Perdana Menteri dalam menghadapi kegawatan ekonomi sekarang.

Dr Mahathir berkata, kelegaan yang sama dialami Anwar apabila Naib Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyatakan sokongannya kepada Timbalan Presiden Umno itu.

"Saya tanya berkenaan 50 sebab ... (50 Dalil Kenapa Anwar Tak Boleh Jadi PM) dan saya kata kepada dia, dalam politik tidak ada musuh yang kekal dan tidak ada kawan yang kekal. Hari ini kita lawan, esok kita berkawan dan lusa kita berkahwin terus," katanya disambut dengan sorak dan ketawa perwakilan.

(END)